

ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA

PENGENALAN DAN DAYAJEJAK HAIWAN, HASIL DAN PRODUK SERTA PREMISNYA

No. Dokumentasi: APTVM 20(b):1/2010

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA

ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA

Pengenalan dan Dayajejak Haiwan, Hasil dan Produk serta Premisnya

No. Dokumentasi: APTVM 20(b):1/2010

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA**

ISI KANDUNGAN

MUKASURAT

Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar	iv
1.0 Pendahuluan	1
2.0 Objektif	2
3.0 Skop	3
4.0 Definisi	3
5.0 Kata Singkatan	8
6.0 Bahagian 1: Pengurusan Pengenalan dan Pengkalan Data Veterinar	9
6.1 Hierarki Pengurusan Pengenalan dan Pengkalan Data Veterinar	9
6.2 Kaedah Pengurusan Pengenalan dan Pengkalan Data Veterinar	10
6.3 Klasifikasi Pengenalan dan Pengkalan Data Veterinar	10
6.4 Penyahaktifan Pengenalan dan Pengkalan Data Veterinar	10
6.5 Pengurusan dayajejak	11
7.0 Bahagian 2: Arahan Prosedur Tetap Pengenalan Dan Dayajejak Haiwan, Hasil Dan Produk Serta Premisnya	12
7.1 Pengenalan Haiwan	12
7.2 Pengenalan Hasil dan Produk	12
7.3 Pengenalan Premis	13
7.4 Pendaftaran Pengangkutan	22
8.0 Bahagian 3 : Prosedur Memberi Pengenalan Haiwan, Hasil Dan Produk Serta Premis	22
8.1 Prosedur Memberi Pengenalan Haiwan	22
8.2 Prosedur Memberi Pengenalan Hasil dan Produk	25
8.3 Prosedur Memberi Pengenalan Premis	26
8.4 Prosedur Pendaftaran Pengangkutan	28

9.0	Dayajejak Veterinar	28
10.0	Penguatkuasaan Undang-Undang Dan Peraturan	31
11.0	Kempen Kesedaran Awam	31
12.0	Rujukan	31
13.0	Senarai Lampiran	34
	Lampiran 1: Hierarki Pengurusan Pengenalan Dan Pengkalan Data Veterinar	35
	Lampiran 2 : Carta Aliran Kerja Pemberian Pengenalan Haiwan, Hasil dan Produk Haiwan serta Premis	36
	Jawatankuasa Penyediaan APTVM Pengenalan dan Dayajejak Haiwan, Hasil dan Produk Haiwan serta Premisnya	37
	Penghargaan	38

ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA PENGENALAN DAN DAYAJEJAK HAIWAN, HASIL DAN PRODUK SERTA PREMISNYA

Pengenalan haiwan, hasil dan produk serta premisnya penting dalam pengurusan dayajejak untuk kawalan penyakit haiwan, kesiapsiagaan menghadapi wabak penyakit, kebajikan haiwan dan jaminan keselamatan produk haiwan. Pengurusan dayajejak veterinar merupakan suatu kompetensi asas semua Pihak Berkuasa Veterinar sesebuah negara. DVS sendiri telah pun melaksanakan dayajejak sejak penubuhannya pada tahun 1888. Semenjak sebelum merdeka, DVS telah memiliki pelbagai enakmen bagi melesen dan mendaftar ladang dan haiwan. Maka prosedur ini diperkenalkan bagi menyeragamkan dan meningkatkan keberkesanan dayajejak.

Anggota DVS hendaklah memberi pengenalan dan mendaftar semua premis yang digunakan untuk perladangan, penternakan, pengendalian, pemprosesan dan penyimpanan haiwan, hasil serta produknya di samping menyediakan perkhidmatan termasuk pengangkutan yang digunakan. Semua premis hendaklah diberikan pengenalan yang unik dan dipastikan bacaan GPSnya dengan alamat serta perhubungan yang akan membolehkan dayajejak penyakit dilakukan dengan pantas. Nombor pengenalan premis tersebut akan menjadi rujukan utama dalam seluruh sistem perkhidmatan veterinar.

Pengenalan haiwan juga hendaklah mematuhi prosedur ini bagi memastikan asal usul haiwan yang terlibat dalam sesuatu kejadian penyakit, kebajikan haiwan atau pun keselamatan produknya dapat dipastikan dengan tepat dan pantas. Pengenalan yang diberikan dan rekod yang disimpan hendaklah mampu mengenalpasti identiti serta premis asal sesuatu haiwan.

Hasil dan produk yang dikeluarkan oleh sesuatu premis juga hendaklah diberi pengenalan bagi membolehkan dayajejak serta jaminan keselamatan produk haiwan. Sistem dayajejak veterinar perlu mampu membuat dayajejak setapak kehadapan dan setapak kebelakang. Sekiranya semua pihak memiliki kapasiti dayajejak maka keseluruhan rantaian akan mampu dijejaki oleh pihak berkuasa veterinar bila diperlukan.

Sementara itu kaedah pengenalan bagi haiwan, hasil dan produk boleh dibuat samada secara individu, berkumpulan atau mengikut klasifikasi tertentu. Setiap haiwan, hasil dan produknya boleh dikenali melalui

nombor tag telinga, mikrocip, passport, kumpulan, kacip telinga, tanda cacah, tatoo, bar kod atau RFID.

DVS sendiri akan merekod maklumat perkhidmatannya meliputi pemeriksaan veterinar, persampelan dan sijil kesihatan veterinar dengan didasari pendaftaran premis, haiwan dan pengangkutan beserta permit dan lesen. Pengusaha sendiri bertanggung jawab untuk menyimpan maklumat operasi mereka. Gabungan dua sumber maklumat tersebut akan menjadi asas dayajajak veterinar.

APTVM ini diharap akan menjadi panduan kepada semua pihak terutama penguasa veterinar dan semua yang terlibat dalam industri penternakan haiwan. Dayajajak veterinar amatlah penting untuk memberi kewibawaan kepada persijilan veterinar. Pengurusan dayajajak veterinar yang cekap dan utuh akan meningkatkan dayaasing Negara. Maka dengan ini diarahkan semua pihak untuk mematuhi APTVM Pengenalan Dan Dayajajak Haiwan, Hasil dan Produk serta Premisnya.



Dato' Dr. Abd. Aziz bin Jamaluddin
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Malaysia

ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA PENGENALAN DAN DAYAJEJAK HAIWAN, HASIL DAN PRODUK SERTA PREMISNYA

1.0 PENDAHULUAN

Menyedari kepentingan dayajejak, pengenalan haiwan telah lama diperkenalkan terutama di negeri yang mempunyai Enakmen Pendaftaran Lembu Kerbau. Enakmen ini telah dikuatkuasakan di negeri sempadan untuk mengawal pergerakan ternakan dan penularan penyakit haiwan semenjak sebelum merdeka. Pelbagai kaedah pengenalan telah dipraktikkan termasuklah penggunaan tag, tanda cacah, tindik telinga dan kacip telinga. Namun begitu tidak semua negeri mempunyai Enakmen dan kaedah daftar pengenalan haiwan juga berbeza antara negeri. Skop pengenalan ini pula terhad kepada lembu dan kerbau sahaja disamping kuda yang mengguna tanda cacah dan anjing mengguna lencana.

Dayajejak akan menggabungkan keperluan undang-undang dan arahan pentadbiran untuk membina rantaian maklumat menyeluruh dari ladang hingga ke meja pengguna. DVS akan menyimpan maklumat yang berpunca daripada keperluan undang-undang serta perkhidmatan yang disediakan sementara pengusaha perlu mampu menyimpan maklumat yang menyentuh operasinya. Gabungan antara dua sumber maklumat itu akan menjadi asas dayajejak.

Dayajejak perlu memiliki kapasiti menjejaki pematuhan dalam aspek kesihatan haiwan dan kesihatan awam veterinar, keselamatan makanan dan kebajikan haiwan. Untuk tujuan tersebut DVS akan merujuk kepada Indeks Penyakit dan Indeks Kesihatan Awam Veterinar. Dayajejak juga akan digunakan untuk pengesahan dayajejak pelbagai piawai industri termasuklah halal.

DVS akan melesenkan industri ternakan dimana terdapat perundangan yang memerlukan. Semua maklumat pelesenan tersebut hendaklah dimuat naik ke dalam Pendaftaran Premis. Bagi premis atau tempat lain, pendaftaran secara pentadbiran ke dalam Pendaftaran Premis. DVS telah menetapkan ID Premis piawai untuk memudahkan rujukan sebagai tambahan kepada nombor pelesenan tempatan. Pendaftaran pengangkutan juga dijalankan ke atas pengangkutan yang terlibat dalam industri haiwan.

DVS juga akan mendaftar pengenalan haiwan mengikut keperluan undang-undang dan pengurusan. Digalakkan supaya nombor unik RFID dan mikrochip digunakan bagi meningkatkan keutuhan. Bagi hasil dan produk haiwan, pengenalan akan disesuaikan mengikut konsainmen. Pengusaha perlu menyimpan rekod dalaman yang menjejaki kehadiran dan kebelakang melalui prosedur pelabelan. Penggunaan barkod dan RFID amat digalakkan oleh industri. Untuk memantau keseluruhan rantai, DVS akan menggunakan laporan pemeriksaan veterinar, persampelan dan Sijil Kesihatan Veterinar.

Dayajejak ini akan menggabungkan pelbagai kaedah pengurusan maklumat daripada manual kepada elektronik. Namun begitu DVS telah mengenal pasti beberapa kunci kawalan sebagai tempat kawalan. Maka untuk tujuan tersebut semua pihak perlu memiliki disiplin untuk mendokong dayajejak.

APTVM Dayajejak Veterinar akan memberi panduan menyeluruh kompetensi asas pihak berkuasa veterinar. Untuk itu semua pengusaha veterinar perlulah mematuhi arahan yang terkandung dalamnya demi menjamin keutuhannya.

2.0 OBJEKTIF

APTVM Pengenalan dan Dayajejak Haiwan, Hasil dan Produk serta Premisnya ini disediakan bertujuan untuk :

- 2.1 Menggariskan panduan dan prosedur pemberian tanda pengenalan kepada haiwan, hasil dan produk serta premisnya.
- 2.2 Menyediakan panduan dayajejak kepada penguasa veterinar.
- 2.3 Membolehkan dayajejak kesihatan haiwan, kesihatan awam veterinar dan keselamatan makanan berfungsi dengan kemampuan menyeluruh melalui gabungan perundangan dan pentadbiran melalui maklumat DVS dan tanggungjawab pengusaha sendiri.
- 2.4 Memastikan keutuhan dan kewibawaan persijilan veterinar melalui dokongan dayajejak yang tepat dan cekap.

3.0 SKOP

APTVM ini merangkumi :

- 3.1 Pengurusan Pengenalan dan Pengkalan Data Veterinar
- 3.2 Pengenalan Haiwan
- 3.3 Pengenalan Hasil dan Produk
- 3.4 Pengenalan Premis
- 3.5 Pendaftaran Pengangkutan
- 3.6 Prosedur Memberi Pengenalan Haiwan
- 3.7 Prosedur Memberi Pengenalan Hasil dan Produk
- 3.8 Prosedur Memberi Pengenalan Premis
- 3.9 Prosedur Pendaftaran pengangkutan
- 3.10 Dayajejak Veterinar
- 3.11 Penguatkuasaan Undang-Undang dan Peraturan
- 3.12 Kempen Kesedaran Awam

4.0 DEFINISI

4.1 Akuan Kebenaran Pindah

Dokumen yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa veterinar bagi membolehkan haiwan, hasil dan produk haiwan dipindahkan dari satu tempat ke tempat lain secara sah.

4.2 Akuan Kebenaran Sembelih

Dokumen yang mengesahkan bahawa pihak berkuasa veterinar membenarkan haiwan atau sebilangan haiwan berkenaan disembelih.

4.3 Dayajejak

Keupayaan menjejaki pemindahan haiwan, hasil dan produk haiwan dalam rantaian pengeluarannya.

4.4 Dokumen Pengenalan Premis

Keterangan bercetak atau bukti bertulis seperti sijil, kad pengenalan, RFID, papan tanda atau sebarang bentuk kumpulan bahan/maklumat.

4.5 E-Permit

Satu sistem pengurusan permit pemindahan haiwan, hasil dan produk haiwan secara elektronik.

4.6 Haiwan

Semua jenis binatang termasuk unggas kecuali manusia.

4.7 Haiwan Kesayangan

Haiwan peliharaan yang dijaga dan disimpan sebagai teman.

4.8 Haiwan Rekreasi

Haiwan peliharaan yang dijaga dan disimpan untuk rekreasi.

4.9 Hasil haiwan

Hasil yang dihasilkan atau diperoleh daripada haiwan yang masih hidup melalui aktiviti perladangan atau penternakan dan belum diproses seperti susu mentah, telur, wul, sarang burung walit, najis dan sebagainya.

4.10 Indeks Penyakit (IP)

Satu kawasan penyakit setempat atau tapak utama bagi sesuatu penyakit am atau jangkitan. Empat elemen penting dalam indeks ialah lokasi, haiwan, penyakit dan masa yang diuruskan melalui APTVM Pengurusan Indeks Penyakit Haiwan.

4.11 Indeks KAV

Premis pemprosesan pada semua peringkat primer dan sekunder atau lanjutan yang dikesan melanggar piawai kesihatan awam veterinar serta berada dalam pemantauan DVS.

4.12 Kawasan Terjangkit

Kawasan dimana lokasi berlaku kejadian penyakit berasas piawai yang ditetapkan melalui Protokol Veterinar Malaysia dan diuruskan berpandukan APTVM Pengurusan Indeks Penyakit Haiwan.

4.13 Kawasan Kawalan Penyakit

Kawasan disekeliling kawasan dijangkiti mengikut keluasan yang bersesuaian dengan penyakit berkenaan yang berkemungkinan akan berlaku rebakan penyakit daripada kawasan dijangkiti.

4.14 Kawasan Pembasmian Penyakit

Kawasan dimana DVS sedang mengambil langkah pembasmian, samada penyakit masih belum bebas sepenuhnya atau telah pun bebas namun sebahagian langkah pencegahan masih berkuatkuasa.

4.15 Kawasan Bebas Penyakit

Kawasan atau zon yang mana semua indeks untuk penyakit tertentu telah di isytiharkan bebas dibawah APTVM Pengurusan Indeks Penyakit Haiwan.

4.16 Kepungan

Satu atau lebih premis dibawah sistem pengurusan biosekuriti yang sama terdiri daripada populasi haiwan dengan status penyakit yang jelas, dimana telah dijalankan surveilan, kawalan dan pengurusan biosekuriti untuk tujuan pemindahan.

4.17 Lokasi

Lokasi ternakan akan merujuk kepada premis berdaftar yang ditentukan oleh sistem kedudukan global (GPS) samada sebagai lokasi asal atau lokasi destinasi.

4.18 Lokasi Asal

Merujuk kepada tempat dimana sumber haiwan berada samada di premis, kampung, mukim, daerah, jajahan, kawasan atau bahagian yang dirujuk kepada status penyakit dan larangan pergerakan haiwan semasa.

4.19 Lokasi Destinasi

Merujuk kepada destinasi terakhir haiwan atau produk haiwan sampai samada di premis, kampung, mukim, daerah, jajahan, kawasan atau bahagian.

4.20 Pemilik/pengusaha

Individu atau syarikat yang mempunyai kuasa pemilikan termasuk pemilikan kerajaan atau swasta yang menjalankan aktiviti pengurusan dan pentadbiran.

4.21 Pemindahan

Perbuatan atau hal memindahkan haiwan, hasil atau produk haiwan dari satu premis ke premis lain.

4.22 Pengangkutan

Mana-mana kaedah pengangkutan yang digunakan untuk mengangkut atau memindah haiwan samada melalui udara, darat dan air.

4.23 Pengenalan Haiwan

Apa-apa tanda yang boleh memberikan pengenalan seperti tag telinga, tanda cacah, cop badan, RFID, mikrochip, tindik telinga dan 'ear notch'.

4.24 Pengkalan Data

Kumpulan maklumat tentang sesuatu bidang yang disusun secara sistematik dalam bahantara.

4.25 Penyakit

Apa-apa penyakit yang berjangkit atau jangkitan pada haiwan atau burung yang diisytiharkan dan diwartakan. Penyakit Wajib Laport merupakan senarai penyakit yang telah diwartakan dalam Akta Binatang 1953, P.U (B) 44 Pengisytiharan Penyakit Binatang dan Burung.

4.26 Pihak Berkuasa Veterinar

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, dan mana-mana Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri, mana-mana Pegawai Veterinar, Timbalan atau Penolong Pegawai Veterinar dan termasuk mana-mana orang yang dilantik secara bertulis oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar dan mana-mana Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri untuk menjadi Pihak Berkuasa Veterinar di bawah Seksyen 3 Akta Binatang 1953 (2006).

4.27 Premis

Ladang, tempat, kandang, reban, rumah sembelih, loji pemprosesan, kilang makanan haiwan, klinik haiwan, kedai haiwan, pasar basah, rumah atau bangunan atau kawasan di mana haiwan, hasil atau produk haiwan ditempatkan atau diletakkan secara sementara atau tetap serta dijalankan perkhidmatan berkaitan haiwan, hasil atau produk haiwan.

4.28 Produk Haiwan

Produk yang terhasil daripada haiwan yang masih hidup atau telah disembelih/dibantai untuk aktiviti pemprosesan dan aktiviti tambah nilai misal daging, kulit mentah, organ, tanduk, sarang burung proses, sosej, seri kaya, dadih, yogurt dan sebagainya. Produk yang dikeluarkan meliputi produk makanan atau bukan makanan.

4.29 Regulatori

Aktiviti pendaftaran, pelesenan, persijilan, import, eksport dan penyiasatan profil premis.

4.30 Sijil Kesihatan Veterinar (SKV)

Dokumen yang mengesahkan kesihatan haiwan, hasil dan produknya dalam memenuhi keperluan pengurusan biosekuriti dan dayajek dan menjadi dokumen rujukan utama serta yang paling akhir dikeluarkan oleh mereka yang bertanggungjawab.

4.31 Unggas

Apa-apa unggas termasuk ayam, itik, ayam kampung angsa, ayam belanda, ayam mutiara, ayam serama, puyuh, merpati, burung unta, burung emu dan burung walit daripada apa-apa jantina, umur, baka dan generasi termasuk telur atau kacukannya dan burung-burung lain.

4.32 Zon Bebas Penyakit

Kawasan yang bersambungan atau wilayah yang ditentukan dengan jelas sempadannya serta mengandungi kumpulan haiwan yang bebas dari penyakit.

5.0 KATA SINGKATAN

- APTVM** – Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia
- ADIC** – *Animal Disease Information Centre*
- DVS** – Jabatan Perkhidmatan Veterinar
- ID** – Nombor Pengenalan
- IP** – Indeks Penyakit
- IPPV** – Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar
- IKAV** – Indeks Kesihatan Awam Veterinar
- KPPV** – Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
- PK** – Pegawai Kes
- PBV** – Pihak Berkuasa Veterinar
- PPVD** – Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah
- RFID** – *Radio Frequency Identification*

6.0 BAHAGIAN 1: PENGURUSAN PENGENALAN DAN PENGGALAN DATA VETERINAR

6.1 Hierarki Pengurusan Pengenalan dan Pengkalan Data Veterinar

- 6.1.1 KPPV bertanggungjawab sebagai **Pentadbir** Pengenalan dan Pengkalan Data Veterinar untuk semua haiwan, hasil dan produk serta premisnya di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. (Sila rujuk Lampiran 1 : Hierarki Pengurusan Pengenalan Dan Pengkalan Data Veterinar)
- 6.1.2 Pengarah Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS, IPPV Putrajaya bertanggungjawab sebagai **Pengurus** Pengenalan dan Pengkalan Data Veterinar.
- 6.1.3 Ketua Bahagian Regulatori DVS Negeri bertanggungjawab sebagai **Penyelaras** peringkat negeri dan melaporkan kepada Pengurus Pengenalan dan Pengkalan Data Veterinar.
- 6.1.4 Pegawai Bahagian Regulatori Negeri bertanggungjawab sebagai **Peraku** bagi pengenalan dan pengkalan data veterinar dan melaporkan kepada Penyelaras peringkat negeri. (Sila rujuk Lampiran 2 : Carta Aliran Kerja Pemberian Pengenalan Haiwan, Hasil dan Produk Haiwan serta Premis)
- 6.1.5 Penguasa veterinar yang menjalankan aktiviti perlesenan, pemeriksaan, survelan, penguatkuasaan, akreditasi, perkhidmatan veterinar atau sebarang tugas di sesuatu premis atau keatas haiwan, haiwan kesayangan serta rekreasi, hasil dan produk haiwan bertanggungjawab sebagai **Pendaftar**.

6.2 Kaedah Pengurusan Pengenalan dan Pengkalan Data Veterinar

- 6.2.1 Pengurusan pengenalan dan pengkalan data veterinar hendaklah dibuat melalui Sistem Pengenalan secara atas talian dan semua maklumat disimpan di dalam pengkalan data DVS.
- 6.2.2 Semua maklumat hendaklah diverifikasi dan mempunyai salinan pendua sebagai langkah keselamatan dan rujukan.

6.3 Klasifikasi Pengenalan dan Pengkalan Data Veterinar

- 6.3.1 Klasifikasi Pengenalan dan Pengkalan Data Veterinar terdiri daripada :
 - 6.3.1.1 Haiwan
 - 6.3.1.2 Hasil
 - 6.3.1.3 Produk
 - 6.3.1.4 Premis

6.4 Penyahaktifan Pengenalan dan Pengkalan Data Veterinar

- 6.4.1 KPPV boleh menyahaktifkan sebarang Pengenalan dan Pengkalan Data Veterinar untuk semua haiwan, hasil dan produk serta premis bagi keadaan berikut:
 - 6.4.1.1 Haiwan telah mati/sembelih/hilang di suatu premis;
 - 6.4.1.2 Hasil dan produk yang tidak lagi dihasilkan di suatu premis
 - 6.4.1.3 Premis telah tidak beroperasi untuk jangka masa tertentu / tutup;
 - 6.4.1.4 Pemilik/pengusaha premis melanggar undang-undang di bawah Akta Binatang 1953 dan Enakmen negeri; atau
 - 6.4.1.5 Sebarang keadaan yang memerlukan penyahaktifan

- 6.4.2 KPPV boleh mempertimbangkan sebarang rayuan dan segala keputusan yang telah dibuat adalah muktamad.
- 6.4.3 Sebarang rayuan boleh dikemukakan kepada KPPV dalam tempoh 30 hari dari tarikh makluman penya haktifan dikeluarkan. Kegagalan mengemukakan rayuan dalam tempoh tersebut akan menyebabkan penyahaktifan kekal.

6.5 Pengurusan Dayajejak

- 6.5.1 Arahan pengenalan ini melibatkan semua negeri di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak, untuk meliputi seluruh Negara demi memenuhi keperluan OIE.
- 6.5.2 Pengeluaran Sijil Kesihatan Veterinar/ Dokumen Veterinar oleh Penguasa Veterinar atau Veterinawan hanya boleh dikeluarkan ke atas haiwan, hasil dan produk serta premis yang telah memiliki pengenalan dan direkodkan dalam Pengkalan Data Veterinar.
- 6.5.3 Semua haiwan, hasil dan produk serta premisnya perlu diberi pengenalan untuk tujuan pemindahan, pembayaran pampasan, pengurusan, dayajejak, penguatkuasaan, rawatan serta pencegahan, pengawalan dan pembasmian penyakit, kebajikan haiwan serta jaminan keselamatan produk haiwan.
- 6.5.4 Kaedah pengenalan bagi haiwan, hasil dan produk haiwan boleh dibuat secara individu, berkumpulan atau mengikut klasifikasi tertentu.
- 6.5.5 Kaedah pengenalan bagi premis dibuat secara individu berdasarkan aktiviti yang dijalankan oleh premis dan nombor pengenalannya akan menjadi rujukan utama.

7.0 BAHAGIAN 2: ARAHAN PROSEDUR TETAP PENGENALAN DAN DAYAJEJAK HAIWAN, HASIL DAN PRODUK SERTA PREMISNYA

7.1 Pengenalan Haiwan

- 7.1.1 Pengenalan haiwan hendaklah dibuat oleh pemilik/pengusaha.
- 7.1.2 Pengenalan haiwan mesti dibuat secara individu atau berkumpulan dengan spesifik dan sistematik.
- 7.1.3 Kaedah pengenalan haiwan secara individu termasuk tag telinga, kacip telinga, cop panas atau sejuk, tanda cacah dan berkumpulan menggunakan kod bar, label atau tag bertulis secarakertas atau elektronik. Sekiranya menggunakan mikrocip atau RFID mestilah memenuhi piawaian ISO (MS 11784 & 11785).
- 7.1.4 Bagi haiwan dari luar negara yang telah mempunyai pengenalan, pemilik/pengusaha haiwan hanya perlu merekodkan pengenalan tersebut ke dalam pengkalan data DVS.

7.2 Pengenalan Hasil dan Produk

- 7.2.1 Semua pemilik/pengusaha premis yang mengeluarkan hasil dan produk bertanggungjawab untuk mengadakan pengenalan hasil dan produk.
- 7.2.2 Semua pemilik/pengusaha premis di luar negara yang diluluskan untuk mengeksport hasil dan produk ke Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak juga bertanggungjawab untuk mengadakan sistem pengenalan bagi tujuan dayajejak.
- 7.2.3 Maklumat berkaitan pengenalan hasil dan produk hendaklah sentiasa dikemaskini oleh pemilik/pengusaha premis.
- 7.2.4 Pihak berkuasa veterinar berhak mendapatkan maklumat berkaitan pengenalan hasil dan produk untuk tujuan regulatori dan penguatkuasaan.

7.3 Pengenalan Premis

- 7.3.1 Semua pemilik/pengusaha premis yang menjalankan aktiviti berkaitan industri haiwan bertanggungjawab untuk mendapatkan pengenalan premis dengan mengemukakan maklumat premis kepada KPPV.
- 7.3.2 Semua premis yang dilesenkan seperti ladang ayam, loji pemprosesan ayam, ladang babi, rumah sembelih dan sebagainya hendaklah juga didaftarkan dalam Pendaftaran Premis.
- 7.3.3 Sebelum menyampaikan perkhidmatan veterinar, hendaklah dipastikan premis berkenaan telah didaftarkan. Sekiranya premis belum didaftarkan, hendaklah didaftar terlebih dahulu. Bancian haiwan dalam premis juga hendaklah diambil.
- 7.3.4 Pastikan lokasi berkenaan diambil bacaan GPSnya bagi membolehkan pengurusan GIS. Nombor komunikasi terutama nombor telefon bimbit dan e-mel hendaklah dikemaskini bagi membolehkan komunikasi risiko dapat disampaikan dengan pantas kepada pelanggan.
- 7.3.5 Setiap premis akan diberi ID yang unik dalam bentuk Kad Premis mengikut sistem yang telah dikenalpasti dan direkodkan ke dalam pengkalan data DVS.
- 7.3.6 Semua premis lain yang tidak dilesenkan hendaklah didaftarkan juga secara pentadbiran.
- 7.3.7 Pemilik/pengusaha premis mesti mempamerkan dokumen pengenalan premis yang diberi oleh DVS di premisnya (jika ada). Pengenalan tersebut tidak boleh ditukar, dipadam atau dilupuskan tanpa kebenaran pihak berkuasa veterinar.
- 7.3.8 ID premis akan menjadi rujukan utama dalam sistem perkhidmatan veterinar.

- 7.3.9 Sebarang urusan dengan DVS yang berkaitan haiwan, produk dan hasilnya hendaklah merujuk kepada nombor premis berkenaan.
- 7.3.10 Semua premis didaftar mengikut KLASIFIKASI PREMIS seperti berikut :

7.3.10.1 Ladang Ternakan

- a) Ladang ternakan adalah kawasan atau tempat yang digunakan untuk aktiviti penternakan termasuk perladangan, menternak, membiak, menyimpan, mengurus dan menjaga ternakan ruminan, unggas, babi dan lain-lain.
- b) Kaedah pemeliharaan ternakan hendaklah direkodkan samada secara intensif, semi intensif, ekstensif/ kurung/fidlot, integrasi atau ladang campuran (kawasan yang menjalankan aktiviti penternakan pelbagai spesies).

7.3.10.2 Rumah Sembelih/ Abatoir

- a) Rumah sembelih merupakan premis yang menjalankan aktiviti penyembelihan ternakan.
- b) Rumah sembelih dibahagikan kepada 4 kategori iaitu rumah sembelih jabatan, rumah sembelih swasta, rumah sembelih yang dilesenkan dan rumah sembelih Pihak Berkuasa Tempatan.
- c) Tempat aktiviti penyembelihan yang telah dikenalpasti.

7.3.10.3 Loji Pemprosesan

- a) Loji pemprosesan adalah premis yang menjalankan aktiviti pemprosesan hasil dan produk.

7.3.10.4 Klinik Haiwan kesayangan/ Hospital Veterinar

- a) Klinik haiwan kesayangan / hospital veterinar ialah premis yang menjalankan amalan perubatan veterinar termasuk pemvaksinan, rawatan, pembedahan, boarding dan rawatan hospital ke atas haiwan kesayangan dan ternakan, mempunyai kemudahan diagnosis asas, mempunyai prasarana yang lengkap dan mempunyai Veterinawan sepenuh masa.
- b) Klasifikasi klinik dan hospital veterinar. (Sila rujuk APTVM Perubatan Veterinar)

7.3.10.5 Gerai Pasar Basah

- a) Gerai pasar basah adalah premis yang menjalankan aktiviti penyembelihan dan jualan haiwan serta jualan hasil dan produk haiwan.

7.3.10.6 Stesen Kuarantin Haiwan

- a) Stesen kuarantin haiwan adalah premis atau kawasan yang dijadikan tempat pengasingan haiwan bagi tujuan pemantauan penyakit dan kawalan import haiwan.
- b) Terdapat 2 jenis kuarantin kawalan import iaitu stesen kuarantin haiwan (SKH) kerajaan yang diperuntukkan penubuhannya di bawah Seksyen 80(1) dan SKH sementara atau

kecemasan yang diperuntukkan di bawah Seksyen 80(2).

- c) Bagi pengenalan premis SKH sementara, sila rujuk APTVM Pendaftaran Stesen Kuarantin Haiwan Sementara.

7.3.10.7 Kedai Haiwan Kesayangan

- a) Kedai haiwan kesayangan ialah premis yang menjalankan aktiviti pemeliharaan, pameran, penjualan haiwan kesayangan dan makanan haiwan.

7.3.10.8 Pusat Perlindungan Haiwan

- a) Pusat perlindungan haiwan ialah premis yang menyediakan tempat perlindungan bagi haiwan terbiar milik kerajaan, kerajaan tempatan, swasta atau badan bukan kerajaan.

7.3.10.9 Pusat Tahanan Haiwan

- a) Pusat tahanan haiwan ialah premis atau kawasan yang digunakan untuk menahan haiwan terbiar atau yang dirampas kerana kesalahan undang-undang.

7.3.10.10 Premis Pembiakbakaan Haiwan Kesayangan dan Rekreasi

- a) Premis pembiakbakaan haiwan kesayangan dan rekreasi ialah premis yang digunakan untuk menjalankan aktiviti pembiakbakaan dan penjualan baka.

7.3.10.11 Pusat Rekreasi/Sukan/Latihan

- a) Pusat rekreasi/sukan/latihan ialah premis yang menyediakan kemudahan dan perkhidmatan rekreasi/ aktiviti sukan/latihan kepada 'working animals' yang melibatkan haiwan rekreasi/sukan/'working animals'.
- b) Pusat rekreasi/sukan/latihan samada dimiliki oleh kerajaan atau swasta.

7.3.10.12 Pusat Pengumpulan Industri Tensu (PPIT)

- a) PPIT ialah premis yang digunakan untuk mengumpul, mengendali, memproses disimpan dan menjual susu.
- b) Pusat pengumpulan susu dimana susu dikumpul, dikendali dan disimpan sementara.

7.3.10.13 Gudang Simpanan/Stor Sejukbeku

- a) Gudang Simpanan/Stor Sejukbeku ialah premis penyimpanan dan pengedaran hasil, produk serta makanan haiwan.

7.3.10.14 Premis Walit

- a) Bangunan yang menjalankan aktiviti perladangan walit di bawah persekitaran yang terkawal.
- b) Premis walit perlu mendapatkan pengenalan daripada DVS sebelum membuat permohonan lesen premis di PBT yang berhampiran.

- c) Premis walit perlu mematuhi garis panduan yang disediakan di bawah Amalan Baik Penternakan Burung Walit (GAHP).
- d) Pengenalan kekal dan unik menggunakan kaedah RFID akan diberi kepada setiap premis walit.
- e) Satu kad pengenalan premis akan dikeluarkan kepada pengusaha premis walit untuk pengesahan tuannya, dayajejak, biosekuriti dan sanitary and phytosanitary (SPS).

7.3.10.15 Padang Ragut

- a) Padang ragut ialah kawasan penanaman rumput dan menjalankan aktiviti penternakan.
- b) Rizab haiwan yang disimpan oleh Kerajaan Negeri sebagai kawasan ternakan pada masa hadapan.

7.3.10.16 Kedai Jualan

- a) Kedai jualan ialah premis yang menjual produk dan hasil berasaskan haiwan yang belum dimasak.

7.3.10.17 Kurungan

- a) Kurungan ialah tempat atau kawasan simpanan sementara ternakan untuk tujuan jualan.

7.3.10.18 Premis Industri Asas Ternakan (IAT)

- a) IAT terbahagi kepada 3 kategori iaitu industri mikro, kecil dan sederhana.

- b) Industri mikro ialah perusahaan yang mencapai nilai jualan tahunan pada tahap 1 (< 50 ribu), tahap 2 (50 ribu - < 100 ribu) dan tahap 3 (100 ribu - < 250 ribu).
- c) Industri kecil adalah perusahaan yang mencapai tahap nilai jualan tahunan pada tahap 4 (250 ribu - <1 juta) dan 5 (1 juta - < 10 juta) dan mempunyai bilangan pekerja seramai 5 - 50 orang.
- d) Industri sederhana ialah perusahaan yang mencapai nilai jualan tahunan pada tahap 6 (10 juta - < 25 juta) dan bilangan pekerja seramai 51 -510 orang.
- e) Pengenalan IAT diberikan kepada usahawan yang terpilih mendapat bimbingan dan bantuan/insentif.

7.3.10.19 Pusat Penetasan Telur

- a) Pusat penetasan telur ialah premis yang digunakan untuk tujuan pengeraman dan penetasan telur bernas bagi menghasilkan anak unggas umur sehari.
- b) Sekiranya pusat penetasan telur terletak di dalam kawasan ladang ternakan unggas, pusat penetasan telur tersebut perlu diberi nombor pengenalan premis yang berasingan.

7.3.10.20 Rumah Pemilik Haiwan Kesayangan

- a) Rumah pemilik haiwan kesayangan ialah premis yang digunakan untuk penyimpanan dan penjagaan haiwan kesayangan.

- b) Rumah pemilik haiwan kesayangan yang terlibat dengan pemindahan haiwan kesayangan antara negeri perlu direkod alamatnya untuk mengeluarkan SKV dan AKP.

7.3.10.21 Premis Anjing Kegunaan Khas

- a) Premis anjing kegunaan khas ialah premis yang menyimpan, menjaga dan melatih anjing dalam sesebuah organisasi/agensi/jabatan/institusi.

7.3.10.22 Zoo/Taman Haiwan

- a) Zoo/Taman haiwan ialah premis yang menyimpan, menjaga, mempamer dan melatih haiwan untuk tujuan rekreasi.

7.3.10.23 Kilang Makanan Haiwan

- a) Kilang makanan haiwan ialah premis yang menyimpan, memproses dan menjual makanan ternakan dan haiwan kesayangan.

7.3.10.24 Makmal Veterinar

- a) Makmal veterinar ialah premis yang menjalankan analisa bahan-bahan industri haiwan.
- b) Makmal veterinar samada dimiliki oleh kerajaan atau swasta.

7.3.10.25 Pejabat Perkhidmatan Veterinar (PPV)

- a) Termasuk Ibupejabat Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri, Pejabat Perkhidmatan Veterinar Bahagian/Daerah/ Jajahan dan Pusat Perkhidmatan Veterinar.

7.3.10.26 Premis Sisa Ternakan

- a) Premis sisa ternakan ialah tempat di mana sisa ternakan disimpan dan diproses untuk pengeluaran baja organik.

7.3.10.27 Farmaseutikal

- a) Farmaseutikal ialah premis yang menyimpan, memproses dan menjual ubat-ubatan dan bahan biologik veterinary termasuk farmasi.

7.3.10.28 Institusi Penyelidikan

- a) Institusi penyelidikan ialah premis yang menjalankan penyelidikan, latihan atau pembiakbakaan berkaitan industri haiwan.

7.3.10.29 Pintu Masuk

- a) Lokasi pendaratan haiwan yang telah digazetkan oleh Jabatan di bawah Akta Binatang 1953 (Pindaan-2006) Kaedah-kaedah Pengimportan Binatang 1962.
- b) Pintu masuk digunakan untuk masuk/ keluar haiwan, hasil atau produknya samada melalui darat, udara atau air.
- c) Pintu masuk merupakan tempat laluan kemasukan ke dalam sesebuah negara/ negeri.
- d) Pintu masuk boleh terletak di sempadan negara, pelabuhan kapal atau lapangan terbang.

7.4 Pendaftaran Pengangkutan

- 7.4.1 Semua pengangkutan yang digunakan untuk pemindahan atau pergerakan haiwan, hasil dan produk haiwan hendaklah didaftar dan direkod di dalam sistem e-permit 2.
- 7.4.2 Pemandu, pembantu atau kelindan yang terlibat dalam pengangkutan haiwan, hasil dan produk haiwan hendaklah juga direkod.
- 7.4.3 Maklumat pemandu dan pembantunya hendaklah sentiasa dikemaskini untuk membolehkan dayajejak dalam kes penyakit zoonotik serta pelanggaran kebajikan haiwan.
- 7.4.4 Pelanggan dibenarkan membuat penukaran pengangkutan atau pemandu serta pembantunya sekiranya pengurusan memerlukan namun begitu maklumat perubahan hendaklah dimaklumi kepada DVS.
- 7.4.5 Untuk tujuan dayajejak kenderaan akan dipasang metri atau tag atau tag RFID dimana diperlukan.

8.0 BAHAGIAN 3 : PROSEDUR MEMBERI PENGENALAN HAIWAN, HASIL DAN PRODUK SERTA PREMIS

8.1 Prosedur Memberi Pengenalan Haiwan

Ruminan

- 8.1.1 Setiap ternakan ruminan di semua negeri perlu mempunyai pengenalan dan direkodkan ke dalam pengkalan data DVS.
- 8.1.2 Bagi ternakan ruminan, pengenalan perlu diberi secara individu.
- 8.1.3 Setiap ternakan ruminan yang berumur 3 bulan ke atas (umur cerai susu) perlu diberi pengenalan sama ada berbentuk tag, tanda cacah, RFID, tattoo dan sebagainya yang memberi pengenalan unik kepada ternakan tersebut.

- 8.1.4 Tanda cacah adalah lakaran khusus dan unit yang akan di cop pada badan setiap ekor ternakan lembu/ kerbau/ kambing/ bebiri. Lakaran tanda/ jenama/ccontoh tekanan yang akan digunakan perlu dikemukakan oleh pemilik/pengusaha gerompok semasa pengenalan.
- 8.1.5 Semua ternakan ruminan yang hendak berpindah keluar daripada premis asal perlu diberi pengenalan.
- 8.1.6 Semua ternakan ruminan yang dikuarantin atau dari kawasan sempadan negara mesti memiliki tag RFID mengikut piawaian ISO.
- 8.1.7 Bagi ternakan ruminan dari kawasan lain, digalakkan memasang tag RFID untuk tujuan pemindahan bagi meningkatkan dayajejak.
- 8.1.8 Ternakan yang layak diiktiraf sebagai baka boleh didaftar dalam Daftar Baka Nasional melalui e-baka. Rujuk APTVM Pendaftaran Pembaka.
- 8.1.9 Semua haiwan pembaka hendaklah memiliki RFID atau mikrocip bagi membolehkan pengesanan dayajejak.

Unggas

- 8.1.10 Semua ternakan unggas perlu mempunyai pengenalan yang diberikan oleh pemilik/pengusaha premis dengan kelulusan daripada DVS Negeri.
- 8.1.11 Pengenalan ayam domestik, itik, puyuh, ayam kampung, angsa, ayam belanda, ayam mutiara dan burung merpati adalah dalam kumpulan.
- 8.1.12 Bagi ayam domestik, itik, puyuh, ayam kampung, angsa, ayam belanda, ayam mutiara dan burung merpati jenis pedaging, tarikh kemasukan ternakan ke ladang perlu ditambah pada pengenalan yang telah ditetapkan.

- 8.1.13 Bagi ayam domestik, itik dan puyuh jenis penelur, pengenalan tambahan adalah mengikut nombor reban.
- 8.1.14 Bagi ayam domestik, itik, puyuh, ayam kampung, angsa, ayam belanda, ayam mutiara dan burung merpati jenis baka, pengenalan tambahan adalah mengikut nombor reban.
- 8.1.15 Semua ternakan unggas yang hendak berpindah keluar daripada premis asal perlu diberi pengenalan.
- 8.1.16 Pengenalan bagi burung unta, burung emu dan ayam serama adalah secara individu.

Babi

- 8.1.17 Semua babi perlu mempunyai pengenalan yang diberikan oleh pemilik/pengusaha premis dengan kelulusan daripada DVS Negeri.
- 8.1.18 Bagi ternakan babi, pengenalan secara individu/berkumpulan.
- 8.1.19 Jenis pengenalan yang digunakan untuk babi adalah kacip pada telinga.
- 8.1.20 Pengenalan menggunakan RFID secara individu digalakkan bagi meningkatkan kebajikan haiwan dan dayajajak.

Haiwan kesayangan/rekreasi

- 8.1.21 Haiwan kesayangan/ rekreasi perlu mempunyai pengenalan yang diberikan oleh pemilik dengan kelulusan daripada DVS Negeri.
- 8.1.22 Kucing dan anjing hendaklah memiliki Kad Pengenalan Haiwan dan digalakkan memasang mikrochip sebagai pengenalan serta direkodkan ke dalam Sistem Pet Passport.

- 8.1.23 Kuda hendaklah mempunyai Kad Pengenalan Kuda dan digalakkan menggunakan cop dibadan atau tattoo dengan RFID sebagai pengenalan serta direkodkan ke dalam Sistem Pet Passport.
- 8.1.24 Pengenalan bagi haiwan kesayangan/rekreasi yang lain adalah ditentukan mengikut kesesuaian.
- 8.1.25 Pengenalan haiwan kecil yang berkumpulan seperti ayam serama, arnab dan lain-lain dibuat berasaskan kelompok dengan penggunaan metri, tag, atau tag RFID.

8.2 Prosedur Memberi Pengenalan Hasil dan Produk

Hasil

- 8.2.1 Hasil haiwan diperolehi dari haiwan yang masih hidup meliputi susu segar, telur, sarang burung mentah, bulu dan najis.
- 8.2.2 Semua hasil haiwan perlu mempunyai pengenalan samada secara berkumpulan, batch atau lot dalam bentuk tong, dulang telur, kotak atau bungkus.

Produk

- 8.2.3 Produk haiwan dikategorikan kepada 3 kumpulan iaitu produk primer, produk sekunder dan produk tertiar.
- 8.2.4 Produk primer ialah hasil dari ternakan selepas disembelih seperti karkas, keratan daging, kulit mentah dan organ.
- 8.2.5 Produk sekunder merupakan produk yang telah diproses dan ditambah nilai tanpa mengubah struktur asal seperti telur masin, susu berperisa, daging berempah, sarang burung proses dan baja organik.
- 8.2.6 Produk tertiar atau dikenali sebagai produk hiliran ialah produk yang telah diproses dan ditambah

nilai menjadi produk baru yang berbeza dari segi struktur, bentuk dan komposisi produk asal (primer). Contoh seperti sosej, bebola daging, seri kaya, dadih, yogurt, komping, gelatin, bahan kosmetik dan lain-lain.

- 8.2.7 Semua produk haiwan perlu mempunyai pengenalan yang bergantung kepada status perniagaan dan persijilan.
- 8.2.8 Produk haiwan yang dihasilkan oleh usahawan mikro (tahap 1, 2 dan 3) perlu mempunyai sekurang-kurangnya pengenalan seperti nama pengeluar, nombor batch dan tarikh dikeluarkan.
- 8.2.9 Produk haiwan yang dihasilkan oleh usahawan kecil dan sederhana (PKS) (tahap 4,5 dan 6) dan besar (tahap 7) yang telah menembusi pasaran pasaraya, pasar hiper dan pasaran eksport, pengenalan hendaklah menggunakan sistem bar kod.

8.3 Prosedur Memberi Pengenalan Premis

- 8.3.1 Semua premis dan pemilik/pengusaha premis yang menjalankan aktiviti berkaitan industri haiwan mesti berdaftar dengan Pihak Berkuasa Veterinar Negeri.
- 8.3.2 Pengenalan premis dibuat bagi tujuan:
 - i. Mendapatkan bancian premis dan ternakan;
 - ii. Pengurusan indeks penyakit;
 - iii. Pemantauan pemindahan haiwan/ produk haiwan (permit);
 - iv. Kesiapsiagaan Menghadapi wabak
 - v. Pencegahan, kawalan dan pembasmian penyakit haiwan;
 - vi. Dayajejak penyakit, haiwan dan produk haiwan;
 - vii. Jaminan keselamatan penggunaan
- 8.3.3 Pengenalan premis perlu diselaraskan oleh pegawai di Bahagian Regulatori DVS negeri atau pegawai lain yang berkaitan.

- 8.3.4 Semua penguasa veterinar di DVS yang terdiri daripada Pegawai Veterinar, Penolong Pegawai Veterinar dan Pembantu Veterinar bertanggungjawab untuk menerima, memverifikasikan dan merekod maklumat premis ke dalam pengkalan data DVS.
- 8.3.5 Maklumat yang perlu dilengkapkan dalam borang pengenalan premis termasuklah maklumat :
- i. Premis (nama, alamat, bacaan GPS);
 - ii. Pemilik/pengusaha premis (nama, nombor kad pengenalan, alamat, nombor telefon);
 - iii. Wakil untuk dihubungi (nama, nombor kad pengenalan, alamat, nombor telefon);
 - iv. Kenyataan projek/aktiviti termasuk ladang, loji pemprosesan produk haiwan, kilang makanan haiwan, klinik haiwan etc.;
 - v. Lampiran gambar iaitu pintu masuk premis, pandangan hadapan bangunan premis pengeluaran, jenis haiwan, hasil atau produk haiwan;
 - vi. Salinan sijil kualiti (jika ada)
 - vii. Pengangkutan (jenis, nombor pendaftaran); dan
 - viii. Sistem pengenalan haiwan, hasil dan produk haiwan yang digunakan.
- i x. Tekapan asal contoh, jenama, cop, legen
- 8.3.6 Setiap premis akan diberikan nombor pengenalan premis.
- 8.3.7 Nombor pengenalan premis perlu diberi sekali sahaja.
- 8.3.8 Pemilik/pengusaha premis bertanggungjawab sentiasa mengemaskini maklumat premis apabila terdapat perubahan atau maklumat baru.
- 8.3.9 Pengenalan premis hendaklah dinyahaktifkan berdasarkan keadaan yang ditetapkan dalam Bahagian 1 Perkara 6.4.
- 8.3.10 Dokumen pengenalan premis perlu tersedia

untuk diperiksa oleh Pihak Berkuasa Veterinar.

- 8.3.11 Sebarang perubahan kepada nama premis dan pemilik/pengusaha hendaklah dilaporkan secara bertulis kepada Bahagian Regulatori DVS Negeri dalam tempoh 30 hari daripada tarikh pertukaran.

8.4 Prosedur Pendaftaran Pengangkutan

- 8.4.1 Pendaftaran pengangkutan milik premis haiwan boleh dibuat semasa membuat pendaftaran premis.
- 8.4.2 Pendaftaran pengangkutan juga boleh dibuat semasa membuat permohonan kebenaran pindah.
- 8.4.3 Nombor plat kenderaan yang dikeluarkan oleh JPJ akan digunakan sebagai nombor pendaftaran.
- 8.4.4 Penggunaan RFID pada pengangkutan amat digalakkan untuk meningkatkan dayajejak.
- 8.4.5 Pengangkutan yang disewa atau dipinjam juga perlu didaftar dan direkodkan.

9.0 DAYAJEJAK VETERINAR

- 9.1 Dayajejak veterinar berasaskan kepada pendaftaran premis, haiwan, hasil dan produk serta pengangkutan dengan gabungan perundangan dan pentabiran.
- 9.2 Pengenalan haiwan akan menggunakan pelbagai cara termasuk:
 - 9.2.1 RFID
 - 9.2.2 Mikrocip
 - 9.2.3 Tag
 - 9.2.4 Kad Pengenalan Haiwan etc.

- 9.3 Pengurusan pemindahan dan pergerakan haiwan akan menggunakan dokumen veterinar :
 - 9.3.1 Akuan Kebenaran Pindah
 - 9.3.2 Akuan Kebenaran Sembelih
 - 9.3.3 Sijil Kesihatan Veterinar

- 9.4 Untuk pengurusan pemindahan secara berkelompok, sangkar digalakkan memiliki RFID. Pengangkutan pula boleh menggunakan :
 - 9.4.1 Metri
 - 9.4.2 Tag
 - 9.4.3 Tag RFID

- 9.5 Pengurusan pemindahan dan pergerakan haiwan, hasil dan produk haiwan hendaklah mengambil kira:
 - 9.5.1 Kawasan terjangkau
 - 9.5.2 Kawasan kawalan penyakit
 - 9.5.3 Kawasan pembasminan penyakit
 - 9.5.4 Kawasan bebas penyakit
 - 9.5.5 Zon Bebas
 - 9.5.6 Kepungan

- 9.6 Untuk pengurusan dayajejak meliputi persijilan DVS
 - 9.6.1 VHM
 - 9.6.2 SALT
 - 9.6.3 GVHP

- 9.7 Pengurusan dayajejak veterinar untuk memastikan keutuhan proses pengurusan :
 - 9.7.1 Indeks Penyakit
 - 9.7.2 Indeks KAV

- 9.8 DVS akan memantau keutuhan dayajejak melalui Sistem Veterinar Malaysia dengan laporan:
 - 9.8.1 Sijil Kesihatan Veterinar
 - 9.8.2 Laporan Pemeriksaan Veterinar
 - 9.8.3 Laporan Persampelan

Dayajejak Haiwan

- 9.9 Semua haiwan yang diimport hendaklah memiliki tag RFID untuk dan didaftarkan dalam sistem e-permit 2 untuk menjamin dayajejak ke lokasi destinasi.
- 9.10 Semua haiwan yang ingin dipindahkan mestilah memiliki tanda pengenalan yang direkodkan dalam sistem e-permit 2. Penggunaan RFID amat digalakkan bagi memudahkan dayajejak dari lokasi asal dan ke lokasi destinasi.
- 9.11 Semua haiwan baka yang perlukan sijil pengesahan baka hendaklah didaftarkan ke dalam e-baka. Semua haiwan pembaka hendaklah memiliki RFID atau mikrocip bagi membolehkan pengesahan dayajejak.
- 9.12 Semua haiwan kesayangan dan haiwan rekreasi amat digalakkan untuk mendaftar dalam sistem Pet Passport. Haiwan berkenaan hendaklah memiliki pengenalan RFID atau mikrocip yang sertai dengan dokumen Kad Pengenalan Haiwan.
- 9.3 Bagi haiwan kecil yang berkumpul seperti ayam serama, arnab dan lain-lain, dayajejak boleh dibuat berasaskan kelompok dengan penggunaan metri, tag, atau tag RFID yang disokong dokumen Akuan Kebenaran Pindah, Akuan Kebenaran Sembelih dan Sijil Kesihatan Veterinar. Semua maklumat berkenaan hendaklah di muat naik ke dalam sistem e-permit 2 untuk dayajejak.

Dayajejak Hasil dan Produk Haiwan

- 9.14 Pemindahan hasil dan produk haiwan dari lokasi asal dan destinasi hendaklah memiliki kemampuan dayajejak berasaskan kelompok.
- 9.15 Konsigmen hasil haiwan hendaklah memiliki dayajejak samada melalui metri, tag atau tag RFID dengan Sijil Kesihatan Veterinar atau bersama Akuan Kebenaran Pindah untuk hasil haiwan. Semua maklumat berkenaan hendaklah di muat naik ke dalam sistem e-permit 2.

- 9.16 Pemproses perlu pastikan produk haiwan yang melalui pemrosesan dalam premisnya memiliki dayajejak melalui penggunaan label, RFID, atau barkod samada secara manual atau sistem.
- 4.17 Pemproses hendaklah berkemampuan untuk membuat dayajejak sekurang-kurangnya berasaskan kelompok. Pemproses hendaklah menyimpan rekod yang mampu membuat dayajejak ke hadapan dan kebelakang bagi membolehkan penarikan produk dan langkah pembetulan diambil.
- 9.18 Produk haiwan hendaklah memiliki label yang ditetapkan Akta Makanan 1983, dan barkod bagi membolehkan dayajejak.

10.0 PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN

- 10.1 Pegawai penguatkuasa berhak menahan, menyiasat dan mengambil tindakan undang-undang atas kesalahan di bawah Akta Binatang 1953.

11.0 KEMPEN KESEDARAN AWAM

- 11.1 Semua yang terlibat dalam industri haiwan hendaklah diberi kefahaman mengenai kepentingan pengenalan dan dayajejak haiwan, hasil dan produk haiwan serta premis agar mendapat sokongan mereka.
- 11.2 Bahagian Regulatori DVS Negeri bertanggungjawab memberi kesedaran kepada orang awam.

12.0 RUJUKAN

- 12.1 Akta Binatang 1953 (Semakan 2006)
- 12.2 Akta Makanan Ternakan 2009
- 12.3 Akta Rumah Penyembelihan (Penswastan) 1993
- 12.4 Akta Fungsi Menteri, 1969
- 12.5 *Poison Act, 1952 (Revised 1989)*
- 12.6 Akta Doktor Veterinar 1974

- 12.7 Akta Makanan 1983
- 12.8 Akta Pestisid
- 12.9 Kaedah – Kaedah Binatang (Kawalan Penyembelihan) 2009
- 12.10 Kaedah-Kaedah Pemeriksaan Daging, 1985
- 12.11 Undang-Undang Kecil Kuarantin Persekutuan 1984 (Pengurusan dan Penyelenggaraan) Undang-Undang Kecil 18
- 12.12 Seksyen 30 (1) untuk melesen pemilikan atau menginokulasi mikroorganisma hidup atau vaksin ke dalam haiwan.
- 12.13 Seksyen 84 kawalan import dan eksport vaksin dan biologik.
- 12.14 Enakmen Pendaftaran Lembu Kerbau Negeri Perlis 1966
- 12.15 Enakmen Pemeliharaan Babi Negeri Perlis 1987
- 12.16 Enakmen Perladangan Unggas Negeri Perlis 2006
- 12.17 Enakmen Pendaftaran Lembu Kerbau Negeri Kedah (Pindaan pertama 1990)
- 12.18 Enakmen Perladangan Unggas (Kedah Darul Aman) 2005
- 12.19 Enakmen Pengawalan Penternakan Babi Negeri Perak 1992
- 12.20 Enakmen Perladangan Unggas Negeri Perak 2005
- 12.21 Enakmen Mengawal Lembu-Kerbau Negeri Selangor 1971
- 12.22 Enakmen Pengawalan Penternakan Babi Negeri Selangor 1991
- 12.23 Enakmen Perladangan Unggas (Negeri Selangor) 2007
- 12.24 Enakmen Pengawalan Penternakan Babi N. Sembilan 1981
- 12.25 Enakmen Kawalan dan Perlesenan Penternakan Unggas dan Aktiviti Berkaitan
- 12.26 Penternakan Unggas 1996
- 12.27 *Rearing of Pigs Enactment (State of Malacca) 1980*
- 12.28 *Poultry Farming (State of Malacca) Enactment 2005*
- 12.29 Enakmen Memelihara Babi Negeri Johor 1975
- 12.30 Enakmen Kawalan dan Perlesenan Ladang Unggas Negeri Johor 1997

- 12.31 Enakmen Lembu Kerbau Negeri Kelantan 1968 (Pindaan 1983)
- 12.32 Enakmen Pendaftaran Kerbau Lembu Negeri Terengganu 1995
- 12.33 Enakmen Memelihara Babi Negeri Terengganu 1976
- 12.34 Enakmen Kawalan Kerbau - Lembu Negeri Pahang 2001
- 12.35 Enakmen Kawalan Penternakan Babi Negeri Pahang 1998
- 12.36 Enakmen Perladangan Unggas Negeri Pahang 2005
- 12.37 Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang, 14hb Februari 2008
- 12.38 Warta Kerajaan Negeri Pahang, 12hb Ogos 2004
- 12.39 Warta Kerajaan Negeri Selangor, 22hb November 2007
- 12.40 *Laws of Sarawak, Chapter 32, Veterinary Public Health Ordinance, 1999 (Semakan 2008)*
- 12.41 *Animal Ordinance 1962 (Sabah No. 16 of 1962)*
- 12.42 *Guidelines for Veterinary Inspection, Department of Veterinary Services*
- 12.43 *Code of Veterinary Practice for Meat Processing Plant*
- 12.44 *Code of Veterinary Practice for Meat Repacking Plant*
- 12.45 *Requirement for The Award of The Veterinary Health Mark of The Department of Veterinary Services, Ministry of Agriculture and Agro-based Industry, Malaysia*
- 12.46 *Code of Veterinary Practice For Manufacturing Meat Products in Hermetically Sealed Containers*
- 12.47 *Code of Veterinary Practice for Boning and Packaging Plant*
- 12.48 *Code of Veterinary Practice for Meat Retailing Premises*
- 12.49 *Code of Veterinary Practice for Meat Processing and Retailing Premises*
- 12.50 *FAO / WHO Risk-Based Food Inspection Manual*


13.0 SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1: Hierarki Pengurusan Pengenalan Dan Pengkalan Data Veterinar

Lampiran 2 : Carta Aliran Kerja Pemberian Pengenalan Haiwan, Hasil dan Produk serta Premis

Lampiran 1

Hierarki Pengurusan Pengenalan Dan Pengkalan Data Veterinar



Lampiran 2

**Carta Aliran Kerja Pemberian Pengenalan Haiwan,
Hasil dan Produk serta Premis**

Pegawai Bertanggungjawab

Aktiviti

PV




Terima permohonan

PV




Semak permohonan



PV/PBRN/KBRN



Verifikasi haiwan/ hasil/produk /premis



PV/PBRN/KBRN



Masuk maklumat dalam Pengkalan Data Veterinar

KBRN



Lapor kepada Pengurus (PPBS)

**JAWATANKUASA PENYEDIAAN APTVM
PENGENALAN DAN DAYAJEJAK HAIWAN, HASIL DAN PRODUK
SERTA PREMISNYA**

Penasihat

Y. Bhg. Dato' Dr. Ahmad Suhaimi bin Omar

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia (KV)

Ketua Pengarang

Y.Bhg. Dato' Dr. Mohamad Azmie bin Zakaria

Pengarah Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS

Sidang Pengarang

Dr. Ahmad bin Salleh

Dr. Zaliha bt Abdullah

Dr. Salina binti Amad Bugis

Dr. Aida bt Muhid

Dr. Lim Yoke Sin

Dr. Shaharul Akmar b. Talib

Dr. Madiah Rauza bt Ahmad Salimi

En. Soh Tian Siong

Tn. Hj. Abdul Halim bin Tariman

Pn. Saonah bt Mohd Nor

PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penyediaan APTVM Pengenalan Dan Dayajajak Haiwan, Hasil Dan Produk Haiwan Serta Premisnya ini, khususnya;

- 1) Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia
- 2) Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia (KV)
- 3) Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia (P)
- 4) Semua Pengarah Bahagian, IPPV
- 5) Semua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri
- 6) Semua Ketua Seksyen, IPPV
- 7) Dato' Mohamed Razuan bin Malek
- 8) Dr. Abu Hassan b. Muhammed Ali
- 9) Dr. Abdul Razak bin Mohd Zailan
- 10) Dr. Fadzillah Aini binti Abd. Kadir
- 11) Dr. Hamdan bin Ahmad
- 12) Dr. Zainor bin Hj. Mohd
- 13) Dr. Suratun bin Kamarudin
- 14) Dr. Gulam Shah bin Fazal Din
- 15) Dr. Arman bin Kison
- 16) En. Chang Kum Wah
- 17) Dr. Jamaliah bt Senawi
- 18) Dr. Muhammad Nazri bin Khairuddin
- 19) Dr. Jumaiza Mizwa bt Mohd Termizi
- 20) Dr. Mas Ayu Suraya bt Abdul Rahman
- 21) Dr. Dayang Salwani bt Awg Masherri
- 22) Dr. Norzilah binti Aرسال
- 23) Dr. Ardhy Adnan
- 24) En. Husni Panjang
- 25) En. Rasheedi bin Abu Bakar.
- 26) Pn. Ermita bt Md Amin



**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
MALAYSIA**